



MEMO

Tarikh : Khamis, 19 Ogos 2021

Kepada : **YBhg. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah MPC

Daripada : **Ahmad Fathan Abdul Rahim**
Penolong Pengurus MPC Wil. Utara

Melalui : **Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah**
Pengarah MPC Wil. Utara

Perkara : **Memohon kelulusan menggunakan perkhidmatan moderator dan penceramah bagi Program Pemerkasaan Gender dan Kepimpinan Produktif Wanita Bekerjaya dan Program Pemerkasaan Gender dan Kepimpinan Produktif Wanita Muda (26-27 Ogos 2021)**

YBhg. Dato',

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

Memo ini bertujuan untuk mendapatkan kelulusan YBhg. Dato' bagi menggunakan perkhidmatan moderator dan ahli panel bagi program di atas. Berikut adalah penceramah dan moderator yang ingin di lantik dan tidak berdaftar di dalam senarai JPPK MPC:

1. Pn Nazirah Abu Bakar (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM))
2. Pn Halipah Yusop (Ainaz Food Processing Enterprise)
3. Pn Zurina Johari (CuteCarry Training)
4. Pn Fafa Shamsuddin (CuteCarry Training) - moderator
5. Pn Najihah Binti Mohd Rasman (KPJ Penang Specialist Hospital)
6. Dr. Azura Abdullah (LPPKN Negeri Pulau Pinang)
7. Dr. Nurul Mursyidah Zakaria (Hospital Sultanah Bahiyah) – moderator
8. Mohd Rizal Bin Abd Rashid (Neuronworks Training)
9. Pn. Zaireen Syazwani Zaharidan (Leolaglow HQ)
10. Pn Tahirah Bt Kamaruddin – moderator
11. En. Mohd Hisyammudin Shukor (Awjanmays Enterprise)

Program ini telah dirancang khusus oleh MPC Wilayah Utara kepada Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan kepekaan gender dan kepimpinan produktif yang merangkumi Kepimpinan Efektif, Gaya Hidup Produktif, Keterampilan dan Komunikasi.

Pemilihan penceramah dan moderator yang pakar di dalam topik masing-masing dilihat dapat memberi perspektif yang menyeluruh serta dikaitkan dengan isu-isu semasa yang terkini.

Sehubungan dengan itu, pertimbangan YBhg. Dato' bagi perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Disediakan oleh:



(Ahmad Fathan Abdul Rahim)
Penolong Pengurus
MPC Wil. Utara

Disokong oleh:



(Dr. Mazrina Mohamed Ibramsah)
Pengarah Wilayah
MPC Wil. Utara

Disokong/Tidak Disokong



(Hj. Suhaimi Hamad)
Pengerusi Bersama JPPK
Tarikh: 19 Ogos 2021

Disokong/Tidak Disokong



(Saliza Saari)
Pengerusi Bersama JPPK
Tarikh: 19 Ogos 2021

Diluluskan/Tidak Diluluskan



(Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Tarikh: 23/8/2021

**PROGRAM PEMERKASAAN GENDER DAN KEPIMPINAN PRODUKTIF
WANITA BEKERJAYA (PGKWB)**

Masa	Segmen/Pengisian
8.30 Pagi – 10.30 Pagi	Inspirasi Wanita Hebat Penceramah : Puan Nazirah Mukmin Objektif : Inspirasi Wanita hebat dalam menguruskan kerjaya, keluarga dan sosial.
10.30 Pagi – 12.30 T/Hari	Excellent Leadership – Women Business Leader Penceramah : Pn Halipah Yusof (Ainaz Food Processing Enterprise) Pemenang Anugerah Agropreneur Agrobank 2018/2019 Objektif : Mencorak kepimpinan wanita besi di dalam pengurusan.
1.30 Petang – 3.30 Petang	Elegant Women – Its YOU! Penceramah : Pn Zurina Johari (CuteCarry International) Objektif: Tampil hebat, 'sophisticated' dan bergaya.
3.30 Petang – 5.30 Petang	Productive Lifestyle – Be Fit! Penceramah : Pn Najihah Bt Mohd Rasman (KPJ Penang Specialist Hospital) Objektif: Melahirkan pemimpin wanita yang sihat, aktif dan produktif!

**PROGRAM PEMERKASAAN GENDER DAN KEPIMPINAN PRODUKTIF
WANITA MUDA (PGKWM)**

Masa	Segmen/Pengisian
8.30 Pagi – 10.30 Pagi	Be Safe Be Productive! Penceramah: Dr. Azura Bt Abdullah (LPPKN Negeri Pulau Pinang) Objektif: Memastikan wanita hebat peka dengan kesihatan diri dan pengurusan keluarga dalam memastikan wanita muda kekal aktif dan produktif.
10.30 Pagi – 12.30 T/Hari	Women Voice Change The World! Penceramah: Coach Rizal Rashid Objektif: Bagaimana mengubah lanskap komunikasi wanita menjadi world class.
1.30 Petang – 3.30 Petang	Antara Cita-Cita & Impian Penceramah: Pn Erin Leola (Founder LeolaGlow HQ) Objektif: Berani mengubah impian menjadi realiti
3.30 Petang – 5.30 Petang	Be Fit Be YOU! Penceramah: En. Mohd Hisyammudin Shukor (Awjanmays Enterprise) Objektif: Melahirkan wanita muda yang sihat dan cergas dalam mendepani cabaran kerjaya.